

Tajuk: **Fokuskan R&D relevan dengan industri: Fadillah**
Kebanyakan penemuan perlukan penyesuaian dahulu sebelum digunakan industri dan pengguna

Fokuskan R&D relevan dengan industri: Fadillah

Kebanyakan penemuan perlukan penyesuaian dahulu sebelum digunakan industri dan pengguna

Oleh Jessica Jawing

KOTA SAMARAHAN: Para penyelidik disyorkan menekankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang relevan dengan industri terutama yang mahu melabur dalam R&D. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Fadillah Yusof menegaskan dalam kebanyakan penemuan R&D ia memerlukan penyesuaian terlebih dahulu sebelum digunakan industri dan pengguna masing-masing.

"Kita perlu menghadapi hakikat bahawa hubungan antara penyelidik dan industri di negara kita masih banyak lagi yang perlu diperlu-

"Malah mereka masih belum mempunyai kerjasama yang positif dan walaupun terdapat beberapa pengecualian kursus tetapi secara kese-

luruhannya jurang komunikasi antara dua pihak masih banyak yang perlu dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian melalui teks ucapannya yang dibacakan Presiden Majlis Reka Bentuk Malaysia Profesor Datuk Dr Ahmad Zainuddin yang mewakili beliau merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Reka Bentuk dan Inovasi Pertama 2012 (ICDI 2012) anjuran Institut Reka Bentuk dan Inovasi (INDI) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, semalam.

Fadillah yang juga Ahli Parlimen Petra Jaya berkata penempunan R&D reka bentuk dan inovasi adalah dianggap tidak lengkap jika ia hanya 'dikurung' dalam makmal penyelidik sahaja.

Malah ia juga tidak mencukupi dengan sekadar hanya



RASMI: Ahmad (kanan) yang mewakili Fadillah merasmikan ICDI 2012 sambil diiringi Khairuddin (tengah) dan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Profesor Dr Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman.

dibentangkan pada seminar atau persidangan serta sekadar diterbitkan dalam jurnal, ujar beliau.

"Di Malaysia, walaupun kita telah membelanjakan jumlah besar untuk tujuan R&D pada tahun-tahun lalu,

namun masih terdapat kebimbangan berterusan mengenai kejayaan penemuan R&D kita untuk dipasarkan," katanya.

“ Kita perlu menghadapi hakikat bahawa hubungan antara penyelidik dan industri di negara kita masih banyak lagi yang perlu diperlukan. ”

Datuk Fadillah Yusof
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Sementara itu Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid dalam ucapannya

menyifatkan persidangan antarabangsa anjuran ICDI yang julung kalinya diadakan itu satu kejayaan cemerlang dengan penglibatan sebanyak 60 kertas kerja daripada pihak akademik, penyelidik, pelajar dan industri.

"Saya barharap persidangan antarabangsa ini dapat memberi impak dan kesan positif kepada semua pihak.

"Bukan sahaja peserta dapat menjadikan landasan ini sebagai medan bertukar fikiran malahan diharap dapat membuahkan hasil kreatif dan inovatif seperti yang diharapkan.

"Kita juga menyarankan kepada penyelidik agar terus menjalinkan kerjasama serta mengubah semua hasil idea kreatif kepada produk inovatif yang berkualiti dan berpotensi untuk pengkomersilan," kata Khairuddin.